

Pelajar spastik daftar USM

» *Graduan istimewa bukti cacat bukan halangan timba ilmu*

Oleh Lum Chee Hong
lumch@bharian.com.my

► **Kuala Lumpur**

Pelajar Cemerlang STPM 2011 peringkat kebangsaan kategori calon istimewa turut mendaftar di Universiti Sains Malaysia (USM) di Pulau Pinang, semalam.

Yeow Ting Fong, 20, yang menghidap spastik menyertai 4,284 pelajar baru USM dan akan mengikuti pengajian Sarjana Muda Ekonomi. Seramai 2,812 pelajar mendaftar di kampus induk, 739 di Kampus Kejuruteraan Nibong Tebal dan 734 pelajar Sains Perubatan, Sains Kesihatan dan Sains Pergigian mendaftar di Kampus Kesihatan Kubang Kerian.

Sokongan ibu bapa

“Jika mereka boleh berjaya saya juga boleh. Kejayaan ini juga adalah hasil dorongan dan sokongan yang tidak pernah putus daripada ibu bapa, guru dan rakan,” kata Ting Fong, bekas pelajar Sekolah Menengah Tun Tuah, Bachang, Melaka.

Seorang lagi pelajar kelainan upaya mendaftar di USM ialah Moh Tsu Horng, 20, dari Pulau Pinang yang cacat kaki kanan hingga terpaksa menggunakan kaki palsu sejak lahir dan berharap dapat merealisasikan impian menjadi jurutera genetik selepas tamat pengajian dalam bidang Sains Gunaan.

Di Serdang, 4,258 pelajar



Yeow Ting Fong

baru ijazah sarjana muda mendaftar di Universiti Putra Malaysia (UPM) semalam dan hari ini termasuk 2,958 pelajar perempuan serta 56 pelajar dari China, Amerika Syarikat, Iraq, Brunei, Kenya, Iran, Somalia, Mauritius, Sri Lanka, Palestin, India, Yemen, Nigeria, Sudan dan Jordan.

Terima 93 pelajar baru

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, berkata Fakulti Sains Pertanian dan Makanan yang terletak di kampus UPM Bintulu, Sarawak pula menerima 93 pelajar baru.

Bagi atlit memamah negara, Fazli Hisham Fauzi, 22, yang memenangi pingat perak Sukan SEA 2009 di Laos dan Grand Prix Eropah, dia tiada masalah mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Pembangunan Sumber Manusia di UPM selagi bijak membahagikan masa untuk pengajian dan latihan memamah.

Pemain hoki wanita kebangsaan yang pernah memenangi pingat emas ASIA Cup dan SEA Cup tahun lalu, Norhidayah Ahmad Bokhari, 22, pula yakin aktiviti sukannya tidak akan menjejaskan pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Jasmani yang diikuti bagi mencapai cita-cita menjadi guru Pendidikan Jasmani.